

Soalan No: 42

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SRI DOUGLAS UGGAH EMBAS
[BETONG]

TARIKH : 16.11.2017

SOALAN :

Dato' Sri Douglas Uggah Embas [Betong] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan nama sekolah-sekolah rendah dan menengah di Sarawak yang menawarkan Pendidikan Bahasa Iban kini, bilangan guru bahasa Iban yang terlatih dan usaha-usaha Kerajaan untuk menambahkan bilangan guru-guru bahasa Iban terlatih.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Setakat ini, terdapat sejumlah 694 buah sekolah rendah dan 76 buah sekolah menengah yang menawarkan mata pelajaran Bahasa Iban di Sarawak. Di peringkat sekolah rendah, sejumlah 4,682 buah kelas terlibat mengikuti mata pelajaran Bahasa Iban dengan bilangan murid seramai 18,546 orang. Bagi sekolah menengah pula, bilangan kelas yang terlibat dengan mata pelajaran Bahasa Iban adalah 936 buah, dengan sejumlah 70,045 orang murid mengikuti mata pelajaran tersebut di sekolah. Guru mata pelajaran Bahasa Iban ialah seramai 2,757 orang di sekolah rendah dan 270 orang di sekolah menengah.

Bagi meningkatkan kemahiran pengajaran dan pembelajaran Bahasa Iban yang berkesan dalam kalangan guru, Kementerian Pendidikan Malaysia telah melaksanakan Kursus Orientasi Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Bahasa Iban Tingkatan 2 pada bulan April 2017 melibatkan seramai 12 orang Jurulatih Utama (JU) dan Jurulatih Utama Zon (JUZ). KPM turut melatih bakal-bakal guru bagi mata pelajaran Bahasa Iban di IPG.

Bilangan pelajar Institut Pendidikan Guru (IPG) yang telah menamatkan latihan perguruan dalam Bahasa Iban mulai 2013 sehingga kini adalah seramai 24 orang. Guru yang sedang mengikuti latihan perguruan Bahasa Iban di IPG adalah seramai 172 orang. Pengambilan calon bagi Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) Bahasa Iban adalah berdasarkan unjuran keperluan guru bagi sekolah rendah.